



UiTM@Media **2016**

Rencana Pilihan



UiTM@Media
2016

Tiga atlet judo julang UiTM

» *Penyertaan sulung SUKIPT tuai hasil hasil lumayan*

Oleh Nurul Amanina Suhaini
bhsukan@bh.com.my

► Johor Bahru

Tiga atlet judo membanggakan Universiti Teknologi Mara (UiTM) apabila penyertaan sulung mereka membuahkan pingat emas pada temasya Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di sini, semalam.

Noor Fazira Mohamed, 21, Fatin Izzati Ahmad Rosdi, 19, dan Puteri Najeeha Abd Aziz, 20, mempamerkan aksi terbaik pada acara berkenaan selepas menjatuhkan pesaingnya dengan masing-masing mendapat kemenangan seles 101-0, 110-0 serta 101-1.

Tewas atlet MSU

Noor Fazira menewaskan atlet Universiti Sains Pengurusan (MSU), Siti Nur Syafiqah Husin, manakala Fatin Izzati dan Puteri Najeeha mengalahkan dua wakil UTM, iaitu Liew Wen Jun dan Nurul Ain Atiqah Mohamad Rosli.

+ Lebih manis lagi, kejayaan tiga atlet itu juga membolehkan

UiTM muncul jagoan dalam sukan itu apabila mendominasi tiga daripada lima pingat emas yang dipertandingkan.

Jurulatih Judo UiTM, Abd Hadi Abd Ghani, memuji kesungguhan anak buahnya yang mempamerkan aksi bertenaga walaupun seorang daripadanya mengalami kecederaan kaki.

"Persiapan sepanjang tempoh dua minggu dimanfaatkan sebaiknya oleh mereka yang bukan sahaja pandai membahagikan masa dalam pelajaran, malah permainan mereka mencapai tahap yang saya inginkan termasuk kecergasan fizikal, kemahiran menguasai perlawanan dan ketahanan stamina yang tinggi.

"Sava hernias hati dengan prestasi cemerlang yang ditonjolkan atlet saya apabila bukan sahaja berjaya melepasi sasaran pingat emas yang diharapkan, malah mampu mengalahkan mu-

suhi tradisi kami iaitu UTM," katanya ketika ditemui selepas majlis penyampaian hadiah yang disempurnakan oleh Pengarah Pusat Pembangunan Sukan dan Ketua Kontinjen Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Roestam Effendi.

Sementara itu, Puteri Najeeha berkata, dia tidak menyangka dapat memperoleh pingat emas kerana sebelum ini pernah tewas kepada atlet sama pada kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) 2013 dan hanya sekadar meraih pingat perak.

Katanya, kejayaan sulung itu memberikan semangat untuk mencapai kejayaan yang sama pada Kejohanan Judo Kebangsaan di Terengganu, Mac ini.

Puteri Najeeha turut menyoalakan tempat untuk terpilih mewakili negara di Sukan SEA 2017, sekaligus mengharumkan nama Malaysia di peringkat antarabangsa.

Sehingga jam 5 petang semalam, UiTM mendahului kutipan pingat emas apabila meraih 44 pingat emas, 41 perak dan 30 gangsa, jauh meninggalkan Universiti Putra Malaysia (UPM) yang memperoleh 28 emas, 15 perak dan 15 gangsa.

Universiti Malaya (UM) menduduki tempat ketiga dengan 20 emas dan masing-masing 13 perak serta gangsa.



Jagoan UiTM (dari kiri) Noor Fazira, Puteri Najeeha dan Fatin Izzati **memperaga pingat emas selepas mengungguli acara masing-masing** pada Kejohanan SUKIPT, semalam.

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

